



SYARAT-SYARAT LESEN ANJING

- 1) Lesen anjing tidak boleh dipindahmilik, dijual atau dipinda kepada anjing yang lain.
- 2) Lesen anjing sah sehingga **31 Disember** setiap tahun dan **Mesti Diperbaharui Pada Setiap Tahun Sebelum 31 Mac** tahun berikutnya.
- 3) Semua anjing yang berumur 3 bulan atau lebih yang tidak memakai lencana lesen yang sah akan dimusnahkan.
- 4) Memberi jagaan yang sempurna dan pastikan bebas dari sebarang jangkitan penyakit.
- 5) Mendapatkan suntikan imunisasi mencegah penyakit anjing gila (Hydrofobia) dan dapatkan sijilnya daripada Doktor Veterinar yang diperakui.
- 6) Menyediakan kandang / kanel yang sesuai dan menjaga kebersihannya serta mengurus najis, air kencing, sisa makanan dengan sempurna.
- 7) Mengawal dan menghindarkan dari mudarat serta kacau ganggu kepada alam skitar dan orang awam iaitu :
 - Anjing tidak dibenarkan merayau-rayau di luar premis tanpa pengawasan
 - Anjing hendaklah dirantai lehernya semasa dibawa bersiar-siar
 - Pastikan anjing anda tidak menyalak berterusan sehingga menjadi kacau ganggu kepada jiran-jiran
- 8) Tidak dibenarkan dimana-mana premis atau pegangan digunakan bagi menyimpan anjing untuk pembiakan bagi maksud perdagangan melainkan jika dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Melesen
- 9) MPBP boleh mengambil tindakan termasuk mengarahkan anjing berlesen itu ditangkap sekiranya mendapati anjing berlesen itu membahayakan dan tiada pampasan boleh dituntut.
- 10) MPBP boleh menangkap mana-aman anjing yang berlesen tetapi berkeliaran di tempat awam. Pemunya yang ingin menuntut dengan menjelaskan bayaran kompaun RM500.00. Kegagalan menuntut dan menjelaskan bayaran kompaun membolehkan MPBP melupuskan anjing tersebut.
- 10) Bilangan Dan Jenis Rumah Dibenarkan Untuk Pemeliharaan Anjing :
 - i. Rumah Pangsa -1 Ekor
 - ii. Rumah Teres Dan Rumah Link – 2 Ekor
 - iii. Rumah Berkembar – Tidak Lebih 3 Ekor
 - iv. Rumah Banglo – Tidak Lebih 4 Ekor